

# Pemimpin bertukar, ideologi kekal: PM

① overseas trips.

Daripada Sharom Suboh

BH2 - OCT 1993

NEW YORK, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberi jaminan kepada ahli perniagaan Amerika Syarikat bahawa sistem politik atau ideologi Malaysia tidak akan berubah apabila tiba masanya untuk pertukaran pucuk pimpinan.

"Apabila masanya tiba untuk pertukaran, saya pasti pertukaran itu tidak akan mengganggu kemajuan dalam negara," katanya kepada anggota Majlis Amerika Syarikat-Asean pada jamuan malam di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, Malaysia, yang diperintah oleh parti yang sama sejak kemerdekaan, telah mempunyai empat Perdana Menteri, termasuk dirinya dan perubahan telah berlaku tanpa sebarang masalah atau gangguan.

"Jadi tak usahlah bimbang mengenai perubahan politik... kami mempunyai pemimpin yang akan terus menerima pelabur asing," tambah beliau dengan disambut tepukan gemuruh.

Jamuan malam itu dihadiri lebih 200 ahli perniagaan dan pegawai kanan Amerika Syarikat.

Dr Mahathir juga mahu Amerika Syarikat meningkatkan pelaburan mereka di Malaysia terutama dalam industri kecil dan saiz sederhana kerana pelaburan dari negara itu ketinggalan di belakang Jepun, Korea, Taiwan dan Singapura.

Setakat ini, katanya, tumpuan perniagaan Amerika di Malaysia ialah dalam bidang petroleum dan elektronik.

Beliau juga menarik perhatian mengenai kecenderungan masyarakat Amerika mempercayai berita-berita sensasi dan tidak tepat mengenai Malaysia dalam akhbar.

"Amat malang sekali untuk masyarakat Amerika membentuk pemikiran mereka dan kemudiannya bertindak hanya berda-

saikan laporan akhbar yang disensasikan," katanya.

"Laporan-laporan ini biasanya disensasikan dan dilakukan tanpa perasaan simpati kepada Malaysia malah laporan ekonomi dan perniagaan lebih berbau politik," katanya.

Dr Mahathir berkata, akibat laporan yang tidak betul itu banyak ahli perniagaan enggan melabur di Malaysia dan ia adalah salah satu sebab mengapa pelaburan Amerika ketinggalan di belakang negara lain.

Menurutnya, Amerika Syarikat akan kehilangan potensi pasaran di negara sedang membangun jika ia mengaitkan dagangan dengan isu bukan dagangan.

Kecenderungan negara itu mengaitkan isu bukan dagangan seperti hak asasi manusia, amalan perburuhan, alam sekitar dan dasar ekonomi hanya akan membantutkan dagangan dengan negara lain.

Dr Mahathir berkata, sejak dahulu lagi terdapat usaha menarik balik Sistem Keutamaan Am (GSP) yang dinikmati Malaysia.

Asas yang digunakan oleh pihak yang mahu Malaysia kehilangan keistimewaan itu adalah kononnya Malaysia menyekat kebebasan pekerja dalam sektor elektronik menubuhkan sebuah kesatuan sekerja yang bertaraf kebangsaan.

"Tetapi semua orang tahu di Amerika sendiri bukan semua pekerja mempunyai kesatuan. Dalam hal ini, Malaysia yang syarikat elektroniknya adalah dalam saiz dan keuntungan yang berbeza, lebih menggalakkan mereka menubuhkan kesatuan dalaman daripada kesatuan bersifat kebangsaan.

"Sebuah kesatuan kebangsaan yang kuat diked-

Lihat Muka 2

# Mahathir diberi tepukan

DARI MUKA 1

B. H. 2 - OCT 1990

nali menghancurkan ekonomi walaupun di negara maju dan bila ekonomi hancur, pekerja yang menanggung kesengsaraan," ujarnya.

Kenyataan serta sikap terus terang Dr Mahathir itu mendapat tepukan gemuruh daripada ketua-ketua pegawai eksekutif dan tokoh korporat beberapa syarikat gergasi Amerika yang menghadiri majlis itu.

"Terima kasih... saya ja-

rang dapat tepukan..." katanya sambil tersenyum dan disambut dengan gelak ketawa hadirin di majlis itu.

Dr Mahathir menjelaskan, negara sedang membangun biasanya bergantung kepada satu atau dua komoditi utama untuk memperolehi keuntungan daripada tukaran asing.

"Jika mereka memasuki bidang pembuatan, mereka mempunyai beberapa kekurangan antaranya ketiadaan kepakaran dan

teknologi, modal, pasaran domestik malah kecekapan mentadbir.

"Satu-satunya yang mereka miliki ialah tenaga buruh yang murah dan jika ini ditarik balik, mereka tidak mempunyai peluang untuk memiliki industri sama sekali," tegasnya.

Tetapi katanya, jika kemajuan itu disekat, Amerika Syarikat sebenarnya menolak peluang keemasan untuk memasarkan barangan mereka di negara berkenaan.